



NAIB Canselor USIM, Prof. Dr. Asma Ismail (tengah) beramah mesra dengan Muhammad Zaim Razak (dua dari kanan) dan Mohd. Nizwan Musling (dua dari kiri); penerima Anugerah Canselor, Anis Farhan Muhammad Ali (kiri) serta penerima Pingat Emas Naib Canselor, Muhamad Hidayat Yahaya (kanan) sewaktu Konvokesyen Ke-11 USIM di Nilai, Negeri Sembilan, semalam.

Anak pekebun terima Anugerah Pelajaran Diraja

SEREMBAN 30 Nov. - Anak seorang pekebun kelapa sawit di Parit Raja, Batu Pahat, Johor yang kini melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Bahasa Arab dan Komunikasi, Mohd. Nizwan Musling, menerima Anugerah Pelajaran Diraja Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sempena Konvokesyen Ke-11 universiti itu.

Turut menerima anugerah sama, Muhammad Zaim Razak, 23, yang sedang mengikuti pengajian peringkat sarjana dalam bidang kewangan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Anugerah disampaikan Canselor USIM, Tunku Ampuan Besar Negeri

Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tengku Besar Mahmud.

Mereka adalah sebahagian daripada 762 graduan yang menerima ijazah dalam pelbagai bidang pengajian pada hari pertama istiadat berkenaan.

Mohd. Nizwan, 25, yang menerima Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi Dengan Kepujian ketika ditemui *Mingguan Malaysia* melahirkan rasa syukur dengan anugerah itu dan berazam untuk meneruskan pengajian hingga ke peringkat ijazah doktor falsafah (PhD).

"Alhamdulillah ini merupakan penghormatan kepada saya dan keluarga selepas berhempas-pulas se-

lama ini. Tiada rahsia untuk berjaya melainkan memberi sepenuh perhatian semasa kuliah," katanya.

Muhammad Zaim yang menerima Ijazah Sarjana Muda Sains (Matematik dan Kewangan) Dengan Kepujian pula memberitahu, kejayaan diperoleh bukan alasan untuk mendabik dada tetapi dijadikan sebagai pembakar semangat untuk lebih berjaya.

"Bagi saya ini adalah batu loncatan untuk saya terus berjaya. Alhamdulillah hasil doa ibu bapa, hari ini saya bersyukur apabila menerima anugerah yang dianggap cukup bermakna bagi diri saya," katanya yang juga berasal dari Johor.